

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ADRIAN BANIE

TARIKH : 12 DISEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 49

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk membantu Kerajaan Negeri Sabah untuk mewujudkan syarikat penerbangan domestik bagi membolehkan lebih banyak penerbangan tempatan menghubungkan bandar-bandar utama di Sabah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan tiada sebarang halangan sekiranya Kerajaan negeri Sabah bercadang untuk mewujudkan syarikat penerbangan domestik bagi membolehkan lebih banyak penerbangan tempatan menghubungkan bandar-bandar utama di Sabah selain laluan perkhidmatan udara luar bandar (*Rural Air Services*) yang diberikan subsidi oleh Kerajaan dan kini dioperasikan oleh syarikat MASwings.
2. Dalam hubungan ini, mana-mana syarikat penerbangan perlu mematuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) bagi memperoleh salah satu lesen syarikat penerbangan di Malaysia iaitu sama ada Lesen Perkhidmatan Udara (*Air Service License – ASL*) bagi perkhidmatan penerbangan berjadual dan Permit Perkhidmatan Udara (*Air Service Permit – ASP*) bagi perkhidmatan penerbangan tidak berjadual sama ada melibatkan perkhidmatan penumpang atau kargo mahu pun kedua-duanya sekali.

Sekian, terima kasih.